

BULETIN PEJABAT PENDAFTAR



Vol : 1/2021

JANUARI - DISEMBER



29. Penglibatan **Warga BPD** dalam Pengoperasian **Pusat Pemberian Vaksin IPT** UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



16. Kunjungan Mesra Naib Canselor ke Pejabat Pendaftar

8. Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2020 Pejabat Pendaftar
9. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 Pejabat Pendaftar
19. Audit Dalam Pejabat Pendaftar
24. Lawatan
Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke
Integrative Pharmacogenomics
Institute (iPROMISE)
27. Audit Sirim QAS INTERNATIONAL
- ISO 9001:2015
28. Misi Bantuan Banjir @BPD

PELAKSANAAN DASAR PEMISAH (EXIT POLICY)

Mohd Najib Mohd Sarif
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP)

01

Taklimat Pelaksanaan Dasar Pemisah (Exit Policy)

01 Julai 2021 : Taklimat bersama Pusat Kauseling dan Kerjaya oleh Bahagian Pengurusan Perkhidmatan (BPP). Taklimat diadakan bagi membincangkan dan menerangkan fungsi dan tindakan uruselia dua pihak iaitu Pejabat Pendaftar dan Pusat Kaunseling dan Kerjaya. Sesi ini diadakan bertujuan bagi memastikan Pegawai Kaunselor yang terlibat menggunakan Modul Dasar Pemisah melalui sistem HR2U yang telah Go Live.



02

Proses Sanitasi

01 Julai 2021 : Proses sanitasi pejabat Bahagian Rekod Pelajar dan Konvokesyen (BRPK) telah dilaksanakan oleh Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan setelah beberapa orang staf didapati positif COVID-19.



03

Majlis Perpisahan Cik Rohanah A. Kadir

01 Julai 2021 : Satu majlis perpisahan diadakan bagi menghargai sumbangan khidmat setia Cik Rohanah A. Kadir di Bahagian Pengambilan dan Penempatan Staf (BPPS) yang akan bersara pilihan pada tahun ini.



04

Bengkel Sistem eMesyuarat UiTM

13 hingga 16 Julai 2021 : Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti telah mengadakan taklimat dan Bengkel Sistem eMesyuarat UiTM yang melibatkan seluruh pentadbir di UiTM. Penceramah dan fasilitator yang terlibat dari BGSU adalah En Rosman Yahya, Pegawai Eksekutif Kanan dan En Anuar Ridzuan Abbas, Penolong Pendaftar.

05

Literasi ICT@BPD Siri 2 - Data Studio

Tarikh : 22 Julai 2021
Penceramah : En Muhamad Ikmal Hijaz Zulkefli
Penolong Pegawai Teknologi
Maklumat JPSM, Pejabat Pendaftar.

Sesi Literasi ICT@BPD Siri 2 ini merupakan platform pengisian ilmu berkaitan ICT. Perkongsian ini berkaitan Data Studio (@Google) sebagai salah satu platform untuk penyediaan statistik (data dashboard).



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pejabat
Pendaftar

Pejabat Pendaftar
Aras 3, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor

Vol : 1 2021/ Januari - Disember

